



Mendekati **komuniti Islam di Agra** turut menjadi pengisian program.

“TIDAK LENGKAP SEKIRANYA KUNJUNGAN KE NEGARA INI TIDAK MELAWAT TEMPAT MENARIK YANG MENJADI TARIKAN UTAMA NEGARA BERKENAAN SEPERTI TAJ MAHAL, SELAIN QUTUB MINAR IAITU MONUMEN DIBINA OLEH SULTAN QUTBUDDIN AIBAK KETIKA ISLAM BERTAPAK DI INDIA DAN MAKAM HUMAYUN YANG JUGA MERUPAKAN TAPAK WARISAN DUNIA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (UNESCO)”

Dr Muhammad Aunurrochim Mas'ad,
Pensyarah kanan,
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang USIM

Layanan seperti **VIP**

Oleh Sarah Aina Shawal
sarah.aina@bh.com.my
New Delhi

Kalungan bunga sebagai tanda simbolik menyambut kehadiran pelancong antara pengalaman manis yang dilalui 22 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ketika berkunjung ke India, baru-baru ini.

sekali gus memupuk semangat bantu membantu serta prihatin dengan kebajikan masyarakat terutama yang beragama Islam. Katanya, aktiviti dan pengisian program tertumpu kepada komuniti masyarakat beragama Islam di beberapa masjid sekitar New Delhi dan Agra selain kunjungan ke madrasah tahfiz, rumah anak yatim dan institusi pengajian. “Antara aktiviti terbabit ialah penyerahan sumbangan al-Quran oleh Syarikat Konsortium Waqaf al-Quran dan Wakaf Sejuta al-Quran disamping barangan seperti sejadah, kain pelikat, telemek dan alat tulis. Kunjungan bersempena dengan Program Misi Tautan Mahabbah dan Kebajikan USIM bertujuan menyalurkan bantuan khidmat masyarakat kepada penduduk memerlukan di negara berkenaan. Pensyarah kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM, Dr Muhammad Aunurrochim Mas'ad, berkata kunjungan itu memberi pengalaman baharu kepada peserta apabila berpeluang melihat budaya dan gaya hidup masyarakat di sana

Tarikan utama “Tidak lengkap sekiranya kunjungan ke negara ini tidak melawat tempat menarik yang menjadi tarikan utama negara berkenaan seperti Taj Mahal, selain Qutub Minar iaitu monumen dibina oleh Sultan Qutbud-



din Aibak ketika Islam bertapak di India dan Makam Humayun yang juga merupakan tapak warisan dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO),” katanya. Sementara itu, Timbalan pengarah program, Nadhirah Mohd Noor, berkata India yang juga terkenal dengan kepadatan penduduk dan kadar kemiskinan tinggi berbanding Malaysia. Katanya, kehadiran USIM disambut baik penduduk malah turut diberi layanan seperti orang kenamaan (VIP) sekali gus membuktikan mereka amat menitikberatkan hubungan sesama manusia biarpun sibuk menjalani kehidupan harian.



Majlis alunan zikr dan berselawat bersama-sama jemaah Masjid Namner, Agra.



Program ramah mesra bersama-sama pelajar sekolah rendah di New Delhi.